



## SIARAN MEDIA

### Program TUB Anjak Paradigma Usahawan Baitulmal

---

**Kuala Lumpur, 17 Disember 2020** – Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah berjaya menganjak paradigma usahawan Baitulmal daripada penerima zakat kepada pembayar zakat. Pada tahun 2019, program ini telah dilaksanakan secara rintis dengan melatih 84 orang usahawan. Daripada jumlah tersebut, 18 peserta yang dahulunya penerima zakat telah mula menjadi pembayar zakat. Pada tahun ini, seramai 50 usahawan bakal dilatih secara dalam talian bermula 13 sehingga 22 Disember 2020.

Program ini menyasarkan usahawan Baitulmal yang berpotensi untuk mengembangkan perniagaan, dan keutamaan diberikan kepada usahawan Baitulmal yang terjejas perniagaannya akibat Covid-19. Selain itu program ini juga dirangka bagi membantu menaik taraf kehidupan melalui aktiviti keusahawanan agar mampu menjana pendapatan jangka panjang serta membina daya tahan dan jati diri dalam menjalankan perniagaan. Hasil daripada program ini, peserta telah berjaya menjana nilai jualan terkumpul bernilai RM1.32 juta.

YB Dato Sri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa Majlis Perasmian Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) dan Penyerahan Bantuan Kewangan Program Pembangunan PKS SME Corp. Malaysia berkata “Usahawan yang ingin memulihkan dan mengembangkan perniagaan berpeluang memohon pelbagai bantuan dan latihan yang disediakan oleh pelbagai Agensi. Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corp. Malaysia melaksanakan pelbagai program dan ia

terbuka kepada PKS yang layak termasuk belia, wanita serta golongan yang berkeperluan khas seperti Orang Kurang Upaya (OKU).

“Hasrat kami agar program seperti ini dapat membantu memperkukuhkan kedudukan *socioeconomy* golongan asnaf ini. Mungkin kali ini mereka menerima zakat. Insya Allah pada masa akan datang, apabila kedudukan ekonomi mereka sudah kukuh kerana perniagaan mereka lebih berjaya, mereka pula akan menjadi penyumbang zakat,” katanya.

Bagi mengukuhkan kerjasama menyediakan latihan dan bimbingan kepada golongan asnaf dan B40, pada hari ini telah berlangsung sesi pertukaran dokumen kerjasama di antara SME Corp. Malaysia, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Bank Islam Malaysia Berhad bagi Program TUB dan Program Pembiayaan Mikro yang khusus untuk usahawan mikro dari golongan B40 dan asnaf yang kehilangan pendapatan akibat wabak COVID-19. Sesi ini disaksikan oleh YB Dato Sri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Program Pembiayaan Mikro ini menyediakan latihan keusahawanan dan bantuan pembiayaan pinjaman sehingga RM50,000 bagi membantu usahawan mikro yang terjejas untuk bangkit dan membina semula perniagaan mereka.

Turut diadakan pada hari ini adalah Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada dua peserta pembayar zakat Program TUB dan Majlis Penyampaian *Mock Cheque* kepada sebelas PKS penerima bantuan program pembangunan kapasiti SME Corp. Malaysia yang bernilai lebih RM2 juta.

Majlis pada hari ini turut dihadiri oleh YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Hj Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia (merangkap Pengerusi MAIWP); Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia; YBhg. Datuk Haji Akhbar Haji Samon, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); dan Tuan Haji Mohd Nazri Chik, Pengurus Besar Hubungan Strategik yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Kamsuzilawati Kamin dan Puan Norliza Md. Mokhtar di talian 03-2775 6110 dan 6175 atau emel – [kamsuzilawati@smecorp.gov.my](mailto:kamsuzilawati@smecorp.gov.my) dan [norliza@smecorp.gov.my](mailto:norliza@smecorp.gov.my)

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia  
Level 6, SME 1, Block B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Fax : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Website : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.